

11/08/2002

Majlis konvokesyen UM di Dewan Tunku Canselor

KUALA LUMPUR: Majlis konvokesyen Universiti Malaya pada 4 hingga 8 September depan akan diadakan semula di Dewan Tunku Canselor (DTC) yang sudah dibaik pulih setelah terbakar pada 29 Jun tahun lalu.

Naib Canselor UM, Profesor Datuk Dr Anuar Zaini Md Zain berkata, dewan itu sudah hampir siap dan pihaknya sedang dalam proses menguji beberapa kemudahan yang ada sebelum digunakan untuk konvokesyen itu.

Bagaimanapun katanya, sebelum itu DTC akan dirasmikan semula pada 20 Ogos ini yang dijangka dilakukan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga bekas pelajar Universiti Malaya.

"Dengan siapnya kerja baik pulih itu, majlis konvokesyen UM akan dilakukan seperti biasa, tidak ada perbezaan dari segi tradisi dan suasana," katanya pada sidang akhbar yang diadakan di sini, semalam.

Berikutan kebakaran yang berlaku sehari sebelum Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan satu simposium di situ, Universiti Malaya terpaksa mengadakan istiadat konvokesyen 2001 di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil.

DTC yang menyimpan banyak sejarah kepada warganya dirasmikan oleh Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra yang juga Canselor UM pada tahun 1966.

Anuar Zaini berkata, kerja baik pulih DTC bermula pada 23 Mac lalu dan mengambil masa kira-kira lima bulan untuk disiapkan yang mana selain mengekalkan bentuk asalnya, ia juga dilengkapi kemudahan canggih terutama dari segi keselamatan dan juga audio-visual yang menggunakan sistem berbantuan komputer.

Selain itu katanya, kerja baik pulih yang dilakukan dengan nasihat daripada Badan Warisan Malaysia itu menyaksikan pengubahsuaian pada pentas utama yang boleh dipanjangkan 3.3 meter ke hadapan.

Beliau bagaimanapun tidak dapat menjelaskan jumlah keseluruhan perbelanjaan yang dikeluarkan untuk kerja baik pulih itu tetapi mengatakan pihaknya menganggarkan kos RM30.5 juta.

"Segala perbelanjaan masih dalam perkiraan begitu juga dengan derma yang diterima daripada pelbagai pihak termasuk kutipan yang dikelolakan oleh akhbar New Straits Times," katanya.

Anuar Zaini juga berkata, pihaknya masih mengharapkan sumbangan orang ramai bagi menampung perbelanjaan lain yang dijangkakan perlu untuk melengkapkan DTC.

Selain peruntukan yang diberikan kerajaan, UM turut menampung perbelanjaan kerja baik pulih dan dengan adanya sumbangan, peruntukan yang dikeluarkan UM untuk DTC mungkin boleh digunakan untuk perkara lain, katanya.

Untuk istiadat konvokesyen, DTC mampu memuatkan seramai 3,100 orang pada satu sesi, katanya.

Mengenai Konvokesyen 2002, Anuar Zaini berkata, seramai 6,789 graduan akan menerima ijazah masing-masing.